

UUM/2553/4m/02.09.2001

Sultan syor pengajian pengurusan pertanian

BM
2/9/2001
UN112

SINTOK: Sultan Kedah, Sultan Abdul Halim Muadzam Shah mencadangkan supaya Universiti Utara Malaysia (UUM) menyediakan program pengajian dalam bidang pengurusan pertanian, sejajar pengkhususan UUM dalam bidang pengurusan.

Selain itu, kursus itu juga sesuai dengan kepentingan sektor pertanian dalam pembangunan ekonomi negeri ini.

Baginda bertitah, program itu perlu disediakan UUM kerana kemajuan dalam sektor pertanian perlu seiring dengan kemajuan sektor industri.

"Beta menyarankan supaya

UUM menawarkan program pengajian yang berkait rapat dengan negeri ini. Krisis kewangan Asia pada 1997 menimbulkan kesedaran betapa pentingnya sektor pertanian dalam pembangunan negara.

"Pembangunan tidak akan mampu bertahan hanya dengan pembangunan sektor pembuatan dan perkhidmatan. Pengalaman negara maju menunjukkan kemajuan sektor perindustrian mereka sejajar dengan kemajuan pertanian, khususnya dalam konteks bekalan bahan makanan," titah baginda.

Baginda bertitah demikian pada majlis Konvokesyen Ke-14 UUM, di sini semalam.